

Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Terhadap Bahan Bantu Mengajar Visual, Auditori dan Kinestetik yang sesuai Terhadap Murid Berkeperluan Khas

(Special Education Teachers' Knowledge of Visual, Auditory and Kinesthetic Teaching Aids that are Suitable for Students with Special Needs)

Nor Aqilah Binti Mohamad Suhaimi¹, Aliza Binti Alias^{2*}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: noraqilahsuhaimi93@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: alizapendidikan@gmail.com

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Aliza Alias

(eliza@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Guru Pendidikan Khas
Bahan Bantu Mengajar
Murid Berkeperluan Khas
Visual
Auditori dan Kinestetik

KEYWORDS:

Special Education Teacher
Teaching Aids
Students with Special Needs
Visual
Auditory and Kinesthetic

CITATION:

Nor Aqilah Mohamad Suhaimi & Aliza Alias. (2022). Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Terhadap Bahan Bantu Mengajar Visual, Auditori dan Kinestetik yang sesuai Terhadap Murid Berkeperluan Khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001526. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1526>

ABSTRAK

Murid berkeperluan khas (MBK) memerlukan pembelajaran yang seronok serta mencapai objektif sama seperti murid di arus perdana. Justeru pembelajaran yang seronok perlu menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai untuk memberi rangsangan bagi menarik minat murid terhadap pengajaran. Kajian ini bertujuan untuk melihat pengetahuan guru pendidikan khas terhadap penggunaan bahan yang berbentuk visual, auditori dan kinestetik (VAK) terhadap MBK dalam menarik minat dalam pengajaran guru. Ini kerana masih terdapat sebilangan guru menggunakan kaedah pengajaran tradisional yang menjadi amalan mereka dan kurang menggunakan bahan bantu mengajar. Salah satu punca guru kurang menggunakan BBM adalah kerana kurangnya pengetahuan tentang VAK. Namun BBM VAK sesuai digunakan dalam pengajaran dan diaplikasikan mengikut gaya pembelajaran yang dimiliki oleh MBK. Pemilihan BBM perlu melihat kepada kemampuan dan kelebihan yang dimiliki oleh murid tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pendidikan khas mempunyai pengetahuan mengenai BBM visual, auditori dan kinestetik. Ketiga-tiga guru pendidikan khas telah menggunakan BBM VAK dengan berdasarkan keupayaan dan kemampuan murid. Walau bagaimanapun guru tidak menggunakan ketiga-tiga jenis BBM, namun guru telah menyatakan BBM yang sering digunakan sama ada visual, auditori dan kinestetik. Justeru dengan pelaksanaan BBM VAK terhadap pengajaran telah menunjukkan bahawa guru pendidikan khas mempunyai pengetahuan terhadap BBM terutama visual, auditori dan kinestetik.

ABSTRACT

Students with special needs (MBK) need fun learning and achieve the same objectives as students in the mainstream. Therefore, fun learning should use teaching aids (BBM) that are suitable to provide a stimulus to attract students to teaching. This study aims to look at the knowledge of special education teachers on the use of materials in the form of visual, auditory and kinesthetic (VAK) on MBK in attracting interest in teacher teaching. This is because there are still a number of teachers who use traditional teaching methods that are their practice and use less teaching aids. One of the reasons teachers use less BBM is due to lack of knowledge about VAK. However, BBM VAK is suitable for use in teaching and applied according to the learning style owned by MBK. The selection of BBM should look at the abilities and advantages possessed by the student. The findings of the study indicate that special education teachers have knowledge of visual, auditory and kinesthetic BBM. All three special education teachers have used BBM VAK based on the ability and capability of students. However, teachers do not use all three types of BBM, but teachers have stated that BBM is often used either visual, auditory and kinesthetic. Thus with the implementation of BBM VAK on teaching has shown that special education teachers have knowledge of BBM, especially visual, auditory and kinesthetic.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan yang jelas kepada guru Pendidikan khas mengenai bahan bantu mengajar yang berbetuk visual, auditori dan kinestetik. Secara tidak langsung pengetahuan ini dapat diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan pemudahcara.

1. Pengenalan

Guru merupakan golongan yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan. Guru juga perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pengajaran, mahir dalam subjek yang diajar, mempunyai kepakaran dalam menguruskan pengajaran dan pembelajaran, mampu menguruskan emosi murid dan sebagainya. Menurut [Siti Rubiyani et al. \(2020\)](#), bahawa guru perlu mempunyai kecekapan yang tinggi sama ada dari segi kemahiran, pengetahuan dan sikap. Walau bagaimanapun, guru pendidikan khas tidak terkecuali mempunyai pengetahuan dalam bidangnya terutama penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai terhadap MBK. [Siti Rubiyani et al. \(2020\)](#), guru perlu menguasai pengetahuan terhadap isi kandungan pengajaran dan sentiasa mengemas kini kemahiran yang dimiliki. Hal ini jelas menunjukkan guru perlu meningkatkan ilmu pengetahuannya mengikut perkembangan arus pendidikan terkini. Justeru, mempunyai ilmu pengetahuan yang lama akan menyebabkan guru lebih ketinggalan terutama dalam kaedah pengajaran. Oleh itu, kesan daripada tidak mengemas kini pengetahuan, pengajaran akan kurang menarik dan tidak sesuai.

Namun masalah yang sering dihadapi di sekolah apabila guru kurang menggunakan BBM ketika sesi pengajaran ([Norhiza et al., 2016](#)). Kekurangan pengetahuan didalam penggunaan bahan bantu mengajar menyebabkan guru tidak dapat mengaplikasikannya dalam pengajaran dan guru menganggap BBM bukan suatu perkara yang penting, malah terdapat segelintir guru yang masih menggunakan cara lama iaitu berpusatkan guru

seperti perbincangan, soal jawab, syarahan dan hafazan (Zamri, 2014). Bahan bantu mengajar cara lama masih boleh digunakan tetapi perlu melihat kepada kesesuaian dan kemampuan MBK. Kurang pengetahuan guru pendidikan khas terhadap BBM menyebabkan guru jarang mengaplikasikannya dalam pengajaran dan kekurangan sumber maklumat menyebabkan BBM yang digunakan tidak sesuai terutama bagi MBK (Mohd Faez et al., 2016).

Seterusnya, bahan bantu mengajar merupakan alat atau bahan untuk guru memberi kefahaman kepada murid dengan lebih mudah (Siti Sapizah & Wan Muna, 2018). Namun penggunaan BBM yang berbentuk visual, auditori dan kinestetik akan memberi rangsangan dan menarik minat murid untuk belajar serta boleh mempertingkatkan prestasi. Bahan bantu mengajar tidak terikat dengan satu jenis sahaja. Terdapat pelbagai bahan yang boleh dijadikan BBM yang dapat membantu pengajaran guru ketika di dalam kelas. Namun bukan semua BBM boleh digunakan untuk murid masalah pembelajaran kerana perlu melihat kepada kemampuan dan kebolehan yang dimiliki oleh MBK. Justeru BBM visual, auditori dan kinestetik merupakan BBM yang dapat membantu MBK dalam memahami dan menguasai sesuatu topik pembelajaran.

2. Sorotan Literatur

2.1. Pengetahuan Guru Terhadap Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar yang digunakan ketika sesi pengajaran akan memberi peningkatan kefahaman kepada murid terutama bagi MBK. Bahan bantu mengajar yang memberi kesan kepada murid tidak akan wujud dengan sendiri kecuali melalui hasil usaha guru sendiri dalam mewujudkan BBM serta menggunakannya dengan baik ketika sesi pengajaran. Oleh itu bagi mewujudkan BBM yang baik dan sesuai, guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang bahan bantu mengajar terutama BBM yang berbentuk VAK. Namun kurangnya pengetahuan menyebabkan guru tidak dapat mempelbagaikan bahan bantu mengajar.

Mohd Faez et al. (2016), menjelaskan bahawa guru tidak menggunakan BBM kerana kurangnya pengetahuan sumber maklumat dalam mendapatkan bahan bantu mengajar. Selain itu Mohd Aris (2007), menyatakan guru di Malaysia terbatas dalam memperoleh sumber yang menyebabkan penggunaan kaedah lama menjadi amalan dalam pengajaran. Walau bagaimanapun terdapat banyak BBM yang boleh digunakan oleh guru terutama bagi guru pendidikan khas untuk diaplikasikan dalam pengajaran MBK. Penggunaan BBM visual, auditori dan kinestetik sangat digalakkan untuk MBK. Sebagai contoh BBM visual dan imej akan memudahkan murid untuk mengingat dan kaedah terbaik untuk hafalan (Murihah et al., 2015). Manakala BBM auditori lebih menggunakan muzik, irama, suara, dan sebagainya. Bagi BBM kinestetik pula lebih kepada pergerakan dan sesuai digunakan kepada murid yang mempunyai ciri hiperaktif.

2.2. Bahan Bantu Mengajar Visual, Auditori dan Kinestetik

Bahan bantu mengajar tidak terikat kepada satu jenis sahaja, terdapat pelbagai bahan yang boleh dijadikan BBM yang dapat membantu pengajaran guru ketika di dalam kelas. Namun bukan semua BBM boleh digunakan untuk murid masalah pembelajaran kerana perlu melihat kepada kemampuan dan kebolehan yang dimiliki murid. Antara jenis-jenis bahan bantu mengajar telah ditentukan dengan berpandukan tiga kategori iaitu visual, auditori dan kinestetik. Ketiga-tiga jenis BBM tersebut dibentuk dengan berdasarkan

perbezaan gaya pembelajaran yang dimiliki setiap individu termasuk MBK. Menurut [Suppiah et. al \(2012\)](#), menjelaskan bahawa terdapat tiga gaya pembelajaran iaitu pembelajaran visual, auditori dan kinestetik. Oleh itu, pemilihan jenis BBM sangat penting dengan berdasarkan ciri pembelajaran yang dimiliki oleh MBK.

Bahan bantu mengajar visual pula digunakan untuk murid yang suka melihat sesuatu perkara berbeza, unik, menarik, cantik dan sebagainya. Penggunaan BBM visual memerlukan deria penglihatan untuk melihat dan memahami sesuatu perkara ([Suppiah et al., 2012](#)). Melalui BBM visual memerlukan kemahiran dalam membayangkan sesuatu gambaran. Selain itu, bahan visual seperti gambar rajah, graf, peta minda, penyusunan grafik yang digunakan kepada murid akan memberi pelbagai impak dalam menerima sesuatu maklumat. Penampilan bahan visual yang menarik dan unik akan memberikan informasi yang jelas kepada mereka yang melihatnya ([Sharul Azim et al., 2020](#)).

Seterusnya bahan bantu mengajar auditori merupakan bahan yang digunakan kepada murid yang gemar melakukan perbincangan, mendengar dan diberi peluang untuk bercakap. Menurut [Nor Musliza dan Mokmin \(2016\)](#) menyatakan bahawa BBM auditori lebih kerap digunakan berbanding visual dan kinestetik. [S Apipah et al. \(2018\)](#) menyatakan kelebihan pendengaran yang ada pada murid akan diluahkan melalui penceritaan, penjelasan, penerangan, pengajaran, mengingat sesuatu maklumat, mendengar kuliah lisan, penjelasan, perbincangan dan sebagainya. Namun murid yang mengalami masalah pendengaran akan mengalami kesukaran untuk menggunakan BBM auditori kerana memerlukan kemahiran komunikasi. Komunikasi yang menggunakan bahasa isyarat akan menjadikan mereka mempunyai kaedah yang sangat terbatas dan hanya boleh berkomunikasi dengan guru serta rakan yang mengetahui bahasa isyarat sahaja. Antara BBM yang berbentuk auditori seperti muzik, forum perbincangan, syarahan, sajak, pantun dan sebagainya.

Bahan bantu mengajar kinestetik digunakan dengan pergerakan dan ia perlu diulang-ulang sehingga ia kekal dalam memori murid tersebut ([Sprengrer, 2002](#); [Suppiah Nachiappan et al., 2012](#)), namun pergerakan tersebut tidak kira banyak atau sedikit. Selain daripada pergerakan, penggunaan BBM kinestetik memerlukan model yang boleh disentuh dan dipegang oleh murid semasa pengajaran berlangsung. Bahan bantu mengajar kinestetik sesuai digunakan kepada murid berkeperluan khas yang mempunyai ciri-ciri masalah tumpuan dan hiperaktif. Oleh itu, bahan bantu mengajar kinestetik sangat membantu dan menarik minat mereka terhadap pengajaran. Antara BBM kinestetik yang boleh digunakan adalah melakukan amali, meniru atau melakonkan semula, menari dan sebagainya. Kesimpulannya, objektif yang telah digariskan dalam kajian ini adalah menerokai pengetahuan guru pendidikan khas terhadap bahan bantu mengajar visual, auditori dan kinestetik yang sesuai untuk murid berkeperluan khas

3. Metod Kajian

Kajian kes ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif dan menggunakan tiga orang guru pendidikan khas yang mempunyai pelbagai pengalaman yang berbeza iaitu 1-5 tahun, 6-10 tahun dan 11-20 tahun. Ketiga-tiga guru tersebut mengajar di kelas pendidikan khas serta sekolah di Kuala Lumpur sahaja. Seterusnya kajian ini telah menggunakan dua instrumen iaitu temu bual dan analisis dokumen. Namun temu bual semi berstruktur telah dipilih kerana temu bual berstruktur telah menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur. Bagi analisis dokumen kajian telah menggunakan bahan bertulis seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH),

Rancangan Pengajaran Individu (RPI), lembaran kerja, keputusan peperiksaan murid dan BBM yang telah digunakan.

4. Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan profil demografi peserta menjelaskan bahawa ketiga-tiga guru telah mempunyai ilmu yang jelas dalam bidang pendidikan khas. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai taraf pendidikan ijazah pendidikan dalam bidang pengkhususan masalah pembelajaran. Kajian ini telah melibatkan tiga orang guru perempuan yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan di Kuala Lumpur. Guru A berumur 29 tahun manakala guru B berumur 43 tahun dan guru C berumur 46 tahun. Melalui pengalaman mengajar di dalam bidang pendidikan khas berbeza-beza, guru A 3 tahun, guru B 10 tahun dan guru C 15 tahun. Selain itu, ketiga-tiga guru telah mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada satu mata pelajaran. Guru A mengajar Bahasa Inggeris dan Pendidikan Islam, manakala guru B mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Jasmani serta guru C Pengurusan Diri dan Pendidikan Muzik.

Jadual 1: Profil demografi peserta kajian

| Bil | Peserta Kajian | Umur | Taraf Pendidikan | Pengalaman Mengajar | Mata pelajaran yang diajar | Bidang Pengkhususan |
|-----|----------------|----------|-------------------|---------------------|--|----------------------|
| 1. | Guru A | 29 tahun | Ijazah Pendidikan | 3 tahun | Bahasa Inggeris Pendidikan Islam | Masalah pembelajaran |
| 2. | Guru B | 43 tahun | Ijazah Pendidikan | 10 tahun | Bahasa Melayu Pengurusan Diri | Masalah pembelajaran |
| 3. | Guru C | 46 tahun | Ijazah Pendidikan | 15 tahun | Pendidikan Jasmani Pendidikan Muzik | Masalah pembelajaran |

4.1. Pengetahuan guru pendidikan khas terhadap BBM

Ketiga-tiga guru telah menyatakan bahawa pengetahuan terhadap BBM adalah sangat penting dan memberikan kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran. Kekurangan pengetahuan tentang BBM akan menjadikan pengajaran tidak menarik, hambar dan membosankan. Selain itu, pengetahuan tentang BBM sangat penting dalam pengajaran kerana ia boleh membantu guru dalam membuat persediaan sebelum pengajaran berlangsung.

“Pengetahuan guru terhadap BBM penting supaya penyampaian guru dalam PdPc lebih efektif. Murid juga akan seronok semasa sesi pembelajaran. Malah ia juga membantu guru meneroka BBM baharu yang lebih efektif”. - Guru A

"BBM penting dalam pengajaran dan guru kena tahu mengenai BBM, sekurung-kurangnya gunakan satu BBM setiap pengajaran kerana BBM akan membantu murid untuk memahami sesuatu topik". - Guru B

"Ya, dapat membolehkan guru-guru memilih BBM yang sesuai mengikut tahap keupayaan murid dan pengajaran guru". - Guru C

Selain itu, kajian juga menunjukkan ketiga-tiga guru telah menunjukkan kefahaman yang tersendiri mengenai BBM. Berdasarkan temu bual daripada guru A dan guru B menjelaskan bahawa bahan bantu mengajar merupakan bahan yang digunakan kepada murid. Penggunaan BBM telah memudahkan pengajaran guru di dalam kelas.

"Bahan yang digunakan oleh guru untuk menarik minat murid". - Guru A

"Bahan bantu mengajar adalah satu alat untuk memudahkan pengajaran guru di dalam kelas. Dengan BBM juga murid akan mudah untuk memahami pengajaran guru tersebut". - Guru B

"Bahan bantu mengajar merupakan bahan yang memudahkan guru untuk mengajar". - Guru C

Justeru penggunaan BBM kepada murid berkeperluan khas memerlukan pengetahuan yang jelas supaya BBM tersebut memberi kesan yang positif dan memberi peningkatan dalam pembelajarannya. Jelas menunjukkan bahawa guru pendidikan khas secara amnya telah mempunyai pengetahuan sedia ada yang berfokuskan tentang bahan bantu mengajar VAK dalam mengaplikasikan di dalam medium pendidikan. Berdasarkan [Norfishah \(2016\)](#), menyatakan bahawa guru perlu mempunyai pengetahuan tentang BBM yang sesuai digunakan untuk MBK yang mempunyai pelbagai ketidakupayaan serta menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian mengikut keupayaan MBK.

4.2. Medium meningkatkan pengetahuan guru tentang BBM

Guru B dan C menyatakan bahawa memperoleh pengetahuan mengenai BBM visual, auditori dan kinestetik adalah melalui pembacaan dan perkongsian daripada media massa. Media massa merupakan medium yang mudah dan cepat dalam memperolehi sesuatu maklumat. Kenyataan ini telah disokong oleh [Natasha et al. \(2020\)](#), menjelaskan bahawa media massa merupakan suatu alat atau perantara dalam menyampaikan makluman dan mesej tertentu. Justeru melalui media massa guru pendidikan khas akan mudah memperoleh maklumat yang terkini dan pengetahuan yang pelbagai terutamanya mengenai BBM.

*"Melalui pembacaan di media massa seperti Facebook dan blog penulis".
Guru C*

Selain dari media massa, perkongsian daripada guru lain juga merupakan salah satu kaedah untuk memperolehi ilmu pengetahuan. Hal ini telah dinyatakan oleh guru A dan B yang menjelaskan bahawa maklumat mengenai BBM diperolehi daripada perkongsian rakan sejawat dan guru-guru yang telah lama berkhidmat. Perkongsian ilmu merupakan satu proses yang berlaku dalam satu kumpulan untuk bertukar ilmu pengetahuan sama ada pengetahuan baru, pengetahuan jelas atau tersirat. Justeru pengetahuan merupakan

suatu perkara yang penting dan hal ini telah disokong oleh [Nurul Salwanie \(2015\)](#) menyatakan proses pengetahuan merupakan perkara penting bagi meningkatkan pengetahuan seseorang individu terutama didalam organisasi.

“Berdasarkan faktor sekeliling dan pengalaman guru-guru lain serta pendedahan daripada guru yang berpengalaman”. - Guru A

“Melalui kursus dalam talian, perkongsian amalan terbaik pdpc antara sekolah-sekolah lain dan melalui pembacaan blog”. - Guru B

4.3. BBM visual, auditori atau kinestetik

Ketiga-tiga sampel telah menunjukkan kefahaman yang jelas mengenai BBM terutama BBM yang berbentuk visual, auditori dan kinestetik. Kesemua sampel menerangkan secara terperinci tentang BBM dengan berdasarkan contoh. BBM visual merupakan pengajaran yang menggunakan imej seperti penggunaan slaid tayangan, manakala auditori pula yang melibatkan daya pendengaran seperti penggunaan radio dan kinestetik pula adalah melaksanakan aktiviti secara langsung (*hands-on*). Melalui temu bual ini sampel berkongsi maklumat dengan berdasarkan pengalaman semasa melaksanakan pengajaran dengan murid masalah pembelajaran.

“BBM berbentuk visual merupakan pengajaran yang menggunakan imej yang dapat dilihat atau berdasarkan penglihatan. Contoh Penggunaan slaid tayangan (Projector). BBM berbentuk auditori pula ialah yang melibatkan daya pendengaran yang jelas di mana ia menggabungkan imej dan suara yang jelas supaya maklumat yang diterima dapat difahami serta diingati dalam jangka panjang. Contohnya ialah penggunaan radio/laptop. BBM kinestetik pula ialah melaksanakan aktiviti secara langsung (hands-on) dan kebiasaannya guru pendidikan khas melaksanakan pengajaran dalam mata pelajaran pra vokasional seperti jahitan, masak dan pertanian. Selain itu, penggunaan simbol kinestetik juga boleh digunakan. Contoh simbol kinestetik (simbol thumb up)”. - Guru A

“BBM visual mengajar murid menggunakan bahan-bahan yang boleh dilihat. BBM auditori menggunakan pendengaran dan BBM kinestetik melibatkan pergerakan murid”. - Guru B

“BBM visual menggunakan deria penglihatan seperti video, gambar, carta, gambar rajah. Manakala auditori menggunakan deria pendengaran seperti suara dan muzik. Kinestetik adalah pergerakan seperti menulis, mewarna, bermain dough, menari, senamrobik”. - Guru C

BBM visual yang mempunyai warna yang menarik, gambar yang besar serta jelas dapat meningkatkan lagi daya tarikan kepada murid terutamanya MBK. [Sharul Azim et al. \(2020\)](#), menjelaskan bahawa bahan visual yang menarik dan unik akan memberikan informasi yang jelas kepada mereka yang melihatnya. Pengajaran dan pembelajaran guru yang telah menggunakan BBM visual adalah banyak menggunakan gambar berbanding ayat-ayat yang panjang. Manakala BBM auditori memerlukan daya pendengaran yang jelas supaya maklumat yang diterima dapat difahami serta mudah dingati dalam jangka masa yang panjang.

Menurut [Mohd Zuri et al. \(2019\)](#) menjelaskan bahawa ketidakupayaan mendengar akan menyebabkan murid sukar untuk bertutur. Murid yang mempunyai masalah pendengaran tidak mampu mendengar audio muzik dengan baik. Walau bagaimanapun tidak semua murid pekak tidak boleh menggunakan BBM auditori kerana menurut [Mohd Zuri et al. \(2019\)](#), masalah pendengaran mempunyai tahap pendengaran yang berbeza-beza. Oleh itu, jika murid mengalami masalah pendengaran pada tahap sederhana dan rendah, guru boleh menggunakan audio atau suara yang lebih kuat berbanding dengan murid berkeperluan khas yang lain.

Menurut [Nor Musliza dan Mokmin \(2016\)](#), kinestetik merupakan satu pembelajaran yang dilakukan melalui aktiviti secara praktikal seperti pergerakan, tanggapan emosi, tindakan fizikal dan emosi. Murid yang sering menunjukkan tingkah laku aktif atau suka bergerak, kaedah yang sesuai digunakan adalah BBM kinestetik. Melalui dapatan yang diperolehi BBM kinestetik sesuai digunakan kepada murid berkeperluan khas yang mempunyai ciri-ciri yang mempunyai masalah tumpuan dan hiperaktif.

4.4. Keberkesanan BBM terhadap MBK

Penggunaan BBM telah menunjukkan keberkesanan terhadap tingkah laku, tumpuan, meningkatkan kefahaman dan sebagainya. Melalui dapatan yang diperolehi penggunaan BBM VAK murid telah menunjukkan keberkesanan terhadap tingkah laku dan minat terhadap pembelajaran. Secara tidak langsung murid juga dapat memberi tumpuan dengan lebih baik. [Charles dan Ying \(2020\)](#) menjelaskan bahawa BBM merupakan satu pendekatan yang berkesan dan sangat penting untuk menarik minat serta tumpuan murid di dalam kelas, manakala penggunaan BBM juga telah meningkatkan kefahaman murid terhadap sesuatu pelajaran. Kesannya murid telah menunjukkan kemajuan dalam pelbagai aktiviti dan lembaran kerja yang diberi oleh guru. [Abdullah et al. \(2015\)](#) menjelaskan bahawa BBM yang menggunakan gambar dan visual dalam pembelajaran akan memudahkan murid untuk mengingat dan memahami sesuatu. Antara BBM VAK yang kerap digunakan oleh guru A dan B adalah BBM visual, manakala guru C sering menggunakan BBM kinestetik dan BBM auditori jarang digunakannya.

“Kebanyakan sesi pengajaran dan pembelajaran saya banyak menggunakan BBM visual kerana ia lebih bersifat interaktif dan menyeronokkan dengan pelbagai tayangan yang menarik. Ia membantu menarik minat murid ini untuk fokus pada pembelajaran terutamanya bagi murid sindrom down, kurang upaya intelektual dan hiperaktif”. - Guru A

“Saya akan menggunakan BBM visual seperti slaid dan menggunakan komputer. Terdapat kemudahan LCD dan pembesar suara yang mudah digunakan di dalam kelas. Apabila saya menunjukkan slaid dan beberapa video murid akan lebih seronok dan mudah memberi respon apabila melakukan sesi soal jawab”. - Guru B

“Saya guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Saya akan menggunakan BBM Kinestetik untuk pergerakan. Selain itu, guna play dough, menulis dan mewarna”.Guru C

[Sharul Azim et al. \(2020\)](#) menjelaskan bahawa penggunaan bahan visual dalam pendidikan akan memberikan sesuatu pemahaman yang lebih baik dan dapat membantu

murid memahami sesuatu konsep dengan lebih mudah dan cepat. [Nor Musliza dan Mokmin \(2016\)](#), pembelajaran secara auditori akan menggunakan bunyi, muzik, nada, irama, suara, arahan atau penerangan secara lisan. Oleh itu, penggunaan bunyi yang menarik, muzik terkini dan irama yang ceria dapat memberi kesan yang baik terhadap emosi MBK. Namun penggunaan BBM kinestetik juga telah memberi kesan kepada kecerdasan fizikal MBK dengan melakukan beberapa pergerakan yang ringan dan mudah. Justeru temu bual guru telah menunjukkan BBM VAK yang sering digunakan ketika pengajaran dan keberkesanan BBM VAK telah memberi kesan positif terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa guru pendidikan khas mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai BBM visual, auditori dan kinestetik. Bahan bantu mengajar visual memerlukan penglihatan, auditori melibatkan pendengaran dan kinestetik pula menggunakan pergerakan. Pengetahuan guru dapat dibuktikan dengan mengaplikasikan semasa sesi pengajaran dan memberi kesan kepada pembelajaran MBK. Tambahan pula, kecanggihan dan kepantasan dunia memudahkan guru untuk memperoleh pengetahuan BBM visual, auditori dan kinestetik dengan mudah dan pantas. Pengetahuan yang jelas akan memberi kelancaran dalam sesi pengajaran serta memudahkan guru menggunakan BBM terhadap MBK mengikut kemampuan. Namun penggunaan BBM bukan hanya boleh memberi kesan kepada pembelajaran tetapi memberi perubahan positif kepada jasmani, emosi, rohani dan intelek. Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada Dr. Aliza Binti Alias selaku penyelia yang memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang tempoh kajian ini dilakukan serta tidak lupa kepada semua peserta kajian yang telah memberi kerjasama yang baik ketika kajian dijalankan.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Abdullah, M., Abdullah, A. H., Rosman, A. S., & Ilias, M. F. (2015). *Garis panduan hafiz al-quran menurut pandang al-nawawi*. Kertas dibentangkan dalam International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship 2015.
- Charles, M. L. & Ying-Leh L. (2020). Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. *Conference: National Research Innovation Conference (NRICon 2020)*, Kuching, Sarawak.

- Mohd Aris Othman. (2007). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Berbantuan Komputer Di Kalangan Pelajar Pencapaian Akademik Rendah Bagi Mata Pelajaran Geografi Tingkatan 4 Di Negeri Sembilan* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. (2018). *Masalah Pembelajaran*. Cetakan ke- 3. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, & Arieff Salleh Rosman. (2015). Identifikasi peranan ibu bapa dalam kelangsungan pendidikan tahfiz anak. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan 2015 (IsPEN2015)*. Auditorium Dr. Zainuddin Jaafar, KUIS. 151-162.
- Natasha Edreena Mohamad Nasruddin, Zuliskandar Ramli, Nur Farriehah Azizan & Angela Injun. (2020). Kesedaran Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Negara Dalam Media Massa dan Media Sosial di Malaysia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-8 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. 307-316.
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri. (2016). Pembelajaran al-quran berasaskan teknik dan gaya pembelajaran vak (visual, auditori dan kinestetik). <https://www.researchgate.net/publication/305492841>.
- Norfishah Mat Rabi. (2016). *Transformasi Pendidikan Murid Kurang Upaya*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norhiza Fadila, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2016). Kompetensi, sikap dan penggunaan aplikasi web 2.0 sebagai bahan bantu mengajar dalam kalangan guru bahasa melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 6(2), 52-58.
- Nurul Salwanie. (2015). *Perkongsian Ilmu Untuk Perkembangan Profesionalisme Berterusan Dalam Kalangan Guru* (Tesis Ijazah Sarjana Muda). Serawak: Universiti Malaysia Serawak.
- S Apipah, Kartono & Isnarto. (2018). An analysis of mathematical connection ability based on student learning style on visualization auditory kinesthetic (VAK) learning model with self-assessment. *Journal of Physics: Conference Series*, 983, 012138.
- Sharul Azim Sharudin, Normah Mustaffa & Shahrul Nazmi Sannusi. (2020). Peranan visual instagram dalam meningkatkan kesedaran kesihatan masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(2). 91-103.
- Siti Rubiyani Bt Omar^{1,a}, Noradilah Binti Abdul Wahab, Mohd Shahril bin Othman, Abdullah BinYusof & Raihan Binti Arifin. (2020). Kompetensi guru pendidikan khas terhadap murid bermasalah pembelajaran: kajian literatur.: <https://www.researchgate.net/publication/340861408>.
- Siti Sapizah Ab Llah & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2018). *Peningkatan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Menggunakan Bahan Rangsangan*. - Transformasi Dan Pembangunan Pendidikan Di Malaysia.
- Sprenger. (2002). *Pembelajaran dan Pengajaran Pelajaran*. Edisi ke-2. Oxford Fajar Sdn. Bhd. Shah Alam: Selangor.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd. Aziz Abd. Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha & Hazalifah Hamzah. (2012). *Pembelajaran dan Pengajaran Pelajaran*. Edisi ke-2. Oxford Fajar Sdn. Bhd. Shah Alam: Selangor.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.